

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

PROGRAM PENGALAKKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN & MATEMATIK (STEM) 1: SMK KOTA SAMARAHAN

Oleh: Siti Nursarjana Malim

Tanggal 20-21 Januari 2016, Jabatan Sains Komputer, Universiti Teknologi MARA Sarawak telah berjaya menganjurkan Program STEM yang disertai oleh 30 orang pelajar Tingkatan 2 dari SMK Kota Samarahan. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Hj. Rasidah Mahdi, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), UiTM Sarawak di Bilik Seminar Utama pada 20 Januari 2016. Antara pengisian program ini ialah pameran, ceramah dan bengkel. Penceramah jemputan merupakan 2 orang alumni CS110 yang kini masing-masing berkhidmat di SACOFA dan Sains. Antara intipati ceramah mereka ialah perkongsian pengalaman mereka sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di UiTM Sarawak dan sedikit sebanyak pengalaman kerjaya mereka untuk memberi gambaran sebenar tentang dunia pekerjaan.

Bengkel Web Development dan Bengkel Multimedia Development merupakan acara utama program yang dijalankan selama 2 hari di Blok B, Kampus Samarahan 2. Pihak penganjur telah mendapat reaksi positif daripada kesemua peserta dan mereka sangat gembira kerana dapat belajar perkara baru di samping menambah ilmu pengetahuan dalam bidang IT. Majlis penutupan program pada 21 Januari 2016 telah disempurnakan oleh Cik Adeline Engkam, Ketua Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pengurusan Pelancongan di Auditorium FSG, Blok B, Kampus Samarahan 2. Pihak Jabatan Sains Komputer merancang dan bersedia untuk menganjurkan lebih banyak program seumpama ini sebagai platform berkongsi kepakaran dan meningkatkan kesedaran serta minat pelajar dalam STEM di samping mewujudkan jaringan industri bersama pihak sekolah.



PROGRAM PENGALAKKAN STEM 2: BULAN SAINS & TEKNOLOGI SMK KOTA SAMARAHAN

Oleh: Siti Nursarjana Malim

Jabatan Sains Komputer Universiti Teknologi MARA Sarawak telah berbesar hati menerima jemputan daripada pihak SMK Kota Samarahan untuk berkongsi pengalaman dan memperkenalkan IT kepada warga sekolah sempena Bulan Sains & Teknologi yang dianjurkan oleh pihak sekolah berkenaan pada 23 Mac 2016.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menarik minat warga sekolah ialah pameran dan ceramah. Pameran merangkumi penerangan tentang komponen yang terdapat di dalam CPU, tayangan multimedia, demonstrasi aplikasi mudah alih (*mobile app*) dan demonstrasi dron. Warga sekolah terutamanya para pelajar amat gembira dan teruja dengan pengisian pameran kerana mereka bukan sahaja berpeluang melihat bahan pameran secara lebih dekat malah diberi peluang untuk mencuba. Para pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz diberikan saguhati. Aktiviti seumpama ini secara tidak langsung mendekatkan para pelajar dan warga sekolah dengan Jabatan Sains Komputer, khasnya dan juga UiTM secara umum.

Slot ceramah pula dikhaskan kepada para pelajar Tingkatan 5 dan diisi dengan maklumat serta perkembangan terkini dunia IT. Penerangan ringkas mengenai syarat-syarat kemasukan ke UiTM juga dikongsikan agar para pelajar mendapat gambaran yang jelas tentang hala tuju mereka selepas mendapat keputusan SPM 2016 masing-masing kelak. Para pelajar yang menyertai sesi ceramah mendapat suntikan semangat untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM 2016 dan berhasrat untuk menyambung pelajaran masing-masing di UiTM.

Pihak sekolah dan pihak Jabatan Sains Komputer berpuas hati kerana kedua-dua pihak telah mendapat manfaat daripada penganjuran Bulan Sains & Teknologi dan berharap kerjasama yang erat ini akan berterusan demi kelestarian masa depan IT di Sarawak.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300

E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my